

Bil. S 50

**AKTA KAWALAN HARGA
(PENGAL 142)**

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HARGA (HARGA JUALAN MURAH), 2012

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran.
 2. Tafsiran.
 3. Kebenaran untuk mengadakan harga jualan murah.
 4. Kebenaran untuk melanjutkan tempoh jualan murah.
 5. Notis kebenaran jualan murah.
 6. Bilangan jualan murah setiap tahun.
 7. Tempoh jualan.
 8. Peratusan stok barang-barang yang akan ditawarkan pada harga jualan murah.
 9. Tanda harga.
 10. Penepian tanggungjawab.
 11. Penyelenggaraan rekod.
 12. Penyelenggaraan stok.
 13. Iklan.
 14. Anggapan.
 15. Pengecualian.
 16. Kesalahan.
-

**AKTA KAWALAN HARGA
(PENGGAJ 142)**

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HARGA (HARGA JUALAN MURAH), 2012

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 11 dari Akta Kawalan Harga, maka Menteri Kewangan II, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Kawalan Harga (Harga Jualan Murah), 2012.

Tafsiran.

2. (1) Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

“pihak berkuasa” bermakna Pengawal Harga atau mana-mana orang yang telah diberi kuasa secara bertulis oleh Pengawal Harga bagi maksud Peraturan-Peraturan ini;

“harga jualan murah” bermakna harga barang-barang atau perkhidmatan yang, dalam masa menjalankan perdagangan atau perniagaan, ditandakan dengan apa-apa cara sebagai kurang dari harga barang-barang atau perkhidmatan, atau barang-barang atau perkhidmatan yang sama perihalnya yang dahulunya dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan.

(2) Apa-apa perkataan atau tanda sama ada langsung atau tidak langsung, termasuk perkataan “jualan”, “diskaun”, “potongan”, “belian terbaik”, “harga terbaik”, “jualan perabis”, “jualan pembukaan”, “jualan penutup”, “jualan khas”, “harga khas”, “jualan besar-besaran”, “jualan separuh harga”, “tawaran khas” atau “harga runtuh” dan dengan apa jua cara pun digunakan atau diberikan dalam masa menjalankan perdagangan atau perniagaan yang menandakan atau mungkin difahami sebagai menandakan bahawa harga barang-barang atau perkhidmatan, atau barang-barang atau perkhidmatan yang sama perihalnya yang dahulunya dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan, hendaklah disifatkan sebagai suatu tanda bahawa orang yang menggunakan perkataan atau memberikan tanda tersebut adalah membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan barang-barang atau perkhidmatan pada harga jualan murah:

Dengan syarat bahawa jika perkataan atau tanda tersebut dilekatkan, dilabel, ditanda atau diteg dengan apa-apa cara pada barang-barang, beg atau kontennya oleh pengilang, pengeluar, pengimport atau pemborong barang-barang tersebut, maka pengilang, pengeluar, pengimport atau pemborong barang-barang tersebut, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah dianggap sebagai

orang yang membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan barang-barang tersebut pada harga jualan murah.

Kebenaran untuk mengadakan harga jualan murah.

3. (1) Tiada sesiapa pun boleh, dalam masa menjalankan perdagangan atau perniagaan, membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan barang-barang atau perkhidmatan dari apa-apa perihalan pada harga jualan murah tanpa mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada pihak berkuasa.

(2) Permohonan di bawah peraturan kecil (1) hendaklah dikemukakan tidak lewat dari 21 hari sebelum jualan murah itu bermula dan hendaklah disertakan dengan senarai harga barang-barang atau perkhidmatan yang akan ditawarkan pada harga jualan murah yang menunjukkan harga jualan biasa dan harga jualan murah.

(3) Jika pemohon mempunyai lebih dari satu tempat premis perniagaan, dia hendaklah mengemukakan senarai harga barang-barang atau perkhidmatan yang akan ditawarkan pada harga jualan murah bagi setiap tempat premis perniagaan.

Kebenaran untuk melanjutkan tempoh jualan murah.

4. (1) Tiada sesiapa pun boleh melanjutkan tempoh pembekalan atau tawaran untuk membekalkan barang-barang atau perkhidmatan dari apa-apa perihalan pada harga jualan murah tanpa mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada pihak berkuasa.

(2) Permohonan di bawah peraturan kecil (1) hendaklah dikemukakan tidak lewat dari 7 hari sebelum lanjutan jualan murah itu bermula dan hendaklah disertakan dengan senarai harga barang-barang atau perkhidmatan yang akan ditawarkan pada harga jualan murah lanjut yang menunjukkan harga jualan murah terdahulu dan harga jualan murah lanjut.

(3) Harga barang-barang atau perkhidmatan yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan pada tempoh jualan murah lanjut hendaklah kurang dari harga barang-barang atau perkhidmatan yang dahulunya dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan.

Notis kebenaran jualan murah.

5. (1) Setelah menerima permohonan di bawah peraturan (3) atau (4), pihak berkuasa boleh membenarkan atau menolak permohonan itu dan pihak berkuasa hendaklah mengeluarkan notis kebenaran jualan murah kepada pemohon yang dibenarkan.

(2) Notis kebenaran jualan murah mestilah dipamerkan di suatu tempat yang mudah dilihat di premis perniagaan itu.

Bilangan jualan murah setiap tahun.

6. (1) Pihak berkuasa boleh menentukan jumlah kesemuanya jualan pada harga jualan murah pada suatu tahun kalendar dengan —

(a) menetapkan jualan berjadual; dan

(b) membenarkan peniaga runcit atau pemilik peniagaan untuk memilih 4 kali di dalam tahun kalendar itu yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa.

(2) Tarikh dan tempoh jualan berjadual yang disebut dalam peraturan kecil (1) hendaklah dimaklumkan kepada orang ramai pada penghujung setiap tahun kalendar dengan pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan*.

(3) Tarikh dan tempoh jualan yang disebut dalam peraturan kecil (1)/(b) tidak boleh ditetapkan pada tarikh dan tempoh yang sama sebagaimana yang dinyatakan di bawah peraturan kecil (2).

(4) Mana-mana orang yang mengadakan apa-apa jualan pada harga jualan murah selain dari tarikh dan tempoh yang dibenarkan di bawah peraturan kecil (1)/(b) adalah melakukan suatu kesalahan.

Tempoh jualan.

7. (1) Sebarang tempoh pembekalan atau tawaran untuk membekalkan barang-barang atau perkhidmatan pada harga jualan murah tidak boleh melebihi 21 hari atau sebarang tempoh sebagaimana yang mungkin ditetapkan atau dibenarkan oleh pihak berkuasa.

(2) Sebarang tempoh lanjutan bagi pembekalan atau tawaran untuk membekalkan barang-barang atau perkhidmatan pada harga jualan murah tidak boleh melebihi 10 hari atau sebarang tempoh sebagaimana yang mungkin ditetapkan atau dibenarkan oleh pihak berkuasa.

Peratusan stok barang-barang yang akan ditawarkan pada harga jualan murah.

8. (1) Mana-mana orang yang, dalam masa menjalankan perdagangan atau peniagaan membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan barang-barang dari apa-apa perihalan pada harga jualan murah hendaklah membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan sekurang-kurangnya 40 peratus atau apa-apa peratus sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh pihak berkuasa, bagi semua barang yang dipamerkan untuk dijual di premis perniagaannya.

(2) Pihak berkuasa boleh menetapkan jumlah minimum atau peratusan diskaun bagi barang-barang atau perkhidmatan yang akan ditawarkan pada harga jualan murah.

Tanda harga.

9. (1) Mana-mana orang yang, dalam masa menjalankan perdagangan atau perniagaan, membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan barang-barang atau perkhidmatan dari apa-apa perihalan pada harga jualan murah hendaklah menandakan yang berikut —

(a) harga barang-barang atau perkhidmatan yang dahulunya dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan olehnya;

(b) harga jualan murah; dan

(c) penggunaan teg harga putih bagi harga biasa dan teg harga kuning bagi harga jualan murah.

(2) Jika jenis barang-barang itu terlalu kecil hingga menjadikannya tidak dapat menandakan butir-butir yang dinyatakan dalam peraturan kecil (1)(a) dan (b), adalah memadai untuk mempamerkan panel atau alat pemeriksa harga yang mengandungi butir-butir yang berkaitan diletakkan dengan cara yang jelas dan mudah dilihat berdekatan dengan barang-barang itu.

(3) Bagi maksud peraturan kecil (1), “harga barang-barang atau perkhidmatan yang dahulunya dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan olehnya” bermakna harga paling rendah barang-barang atau perkhidmatan, atau barang-barang atau perkhidmatan yang sama perihalnya yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan olehnya dalam masa menjalankan perdagangan atau perniagaan di premis yang sama dalam tempoh 30 hari yang berterusan sejurus sebelum bermulanya pembekalan atau tawaran untuk membekalkan pada harga jualan murah.

Penepian tanggungjawab.

10. Tiada sesiapa pun boleh, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dalam tempoh jika dia membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan barang-barang atau perkhidmatan dari apa-apa perihalan pada harga jualan murah mengetepikan tanggungjawabnya tentang yang berikut —

(a) bahawa barang-barang itu mempunyai kualiti boleh dagang;

(b) bahawa barang-barang atau perkhidmatan itu sesuai dengan munasabah untuk tujuan-tujuannya; dan

(c) waranti atau jaminan berkenaan dengan barang-barang atau perkhidmatan itu.

Penyelenggaraan rekod.

11. Mana-mana orang, yang dalam masa menjalankan perdagangan atau perniagaan membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan barang-barang atau perkhidmatan dari apa-apa perihalan pada harga jualan murah hendaklah —

(a) menyelenggarakan suatu rekod yang benar dan lengkap tentang harga barang-barang atau perkhidmatan yang ditawarkan di premis yang sama bagi tempoh 6 bulan yang lalu; dan

(b) menyelenggarakan suatu rekod yang benar dan lengkap tentang pembekalan atau tawaran untuk membekalkan barang-barang atau perkhidmatan itu pada harga jualan murah bagi tempoh satu tahun dari tarikh bermulanya jualan murah itu.

Penyelenggaraan stok.

12. Mana-mana orang, yang dalam masa menjalankan perdagangan atau perniagaan membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan barang-barang atau perkhidmatan dari apa-apa perihalan pada harga jualan murah hendaklah, dalam tempoh jualan murah itu, menyelenggarakan suatu stok barang-barang yang munasabah bagi tujuan tersebut dan menyelenggarakan kakitangan yang mencukupi untuk menguruskan penyelenggaraan stok itu.

Iklan

13. (1) Mana-mana orang yang mengiklankan jualan pada harga jualan murah dalam bentuk apa pun hendaklah menyatakan dalam iklan itu —

(a) nombor rujukan jualan murah yang diberikan oleh pihak berkuasa, tarikh dan tempoh jualan murah itu;

(b) jenis barang-barang atau perkhidmatan yang ditawarkan; dan

(c) tempat di mana jualan murah itu diadakan.

(2) Tertakluk kepada peraturan 9, tiap-tiap orang hendaklah mempunyai pilihan untuk menyatakan atau tidak menyatakan dalam iklan itu jumlah potongan harga bagi barang-barang atau perkhidmatan yang akan ditawarkan pada harga jualan murah.

Anggapan.

14. Bagi tujuan mana-mana pendakwaan di bawah Peraturan-Peraturan ini, jika dikehendaki untuk membuktikan harga paling rendah barang-barang atau perkhidmatan, atau barang-barang atau perkhidmatan yang sama perihalnya yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan di premis yang sama dalam tempoh 30 hari yang berterusan sejurus sebelum bermulanya pembekalan atau tawaran untuk membekalkan barang-barang atau perkhidmatan pada harga jualan murah, maka adalah mencukupi bagi pihak pendakwa untuk membuktikan harga barang-barang atau perkhidmatan, atau barang-barang atau perkhidmatan yang sama perihalnya yang sebenarnya dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan pada bila-bila masa dalam tempoh tersebut:

Dengan syarat bahawa jika terdapat harga-harga yang berlainan berkaitan dengan barang-barang atau perkhidmatan yang dibekalkan atau ditawarkan

untuk dibekalkan dalam tempoh 30 hari yang berterusan sejurus sebelum bermulanya pembekalan atau tawaran untuk membekalkan barang-barang atau perkhidmatan pada harga jualan murah, maka harga paling rendah hendaklah dianggap sebagai harga tersebut.

Pengecualian.

15. Peraturan-Peraturan ini tidak boleh dikenakan kepada mana-mana orang yang, dalam masa menjalankan perdagangan atau perniagaan —

(a) mengurangkan harga barang-barang atau perkhidmatan jika pengurangan harga tersebut tidak dengan apa jua cara menunjukkan sebarang perbandingan dengan mana-mana harga lain;

(b) mengurangkan harga barang-barang atau perkhidmatan jika tanda atau perkataan berkenaan dengan pengurangan tersebut dibuat bagi mematuhi mana-mana syarat tertentu berkenaan dengan pembelian barang-barang atau perkhidmatan tersebut;

(c) mengurangkan harga barang-barang atau perkhidmatan jika tanda atau perkataan berkenaan dengan pengurangan harga tersebut dibuat secara lisan di dalam premis di mana jualan itu dijalankan;

(d) mengurangkan harga barang-barang atau perkhidmatan jika tanda atau perkataan berkenaan dengan pengurangan harga tersebut —

(i) dibuat ke atas barang-barang cepat rosak; dan

(ii) dibuat 1 jam sebelum waktu tutup perniagaan tertentu untuk hari itu.

Kesalahan.

16. (1) Mana-mana orang yang membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan barang-barang atau perkhidmatan dari apa-apa perihalan yang memberi, dengan cara apa pun, apa-apa tanda palsu berkaitan dengan harga jualan murah adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Suatu tanda berkaitan dengan harga jualan murah adalah palsu —

(a) jika tanda harga terdahulu yang disebut dalam peraturan 9(1)(a) adalah palsu;

(b) jika harga barang-barang atau perkhidmatan yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan adalah sama dengan atau melebihi harga barang-barang atau perkhidmatan yang dahulunya dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan;

(c) jika harga barang-barang atau perkhidmatan yang dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan adalah dinyatakan dengan palsu sebagai

kurang dari harga barang-barang atau perkhidmatan yang dahulunya dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan dengan jumlah atau kadar tertentu; atau

(d) jika barang-barang itu tidak ada untuk dibekalkan sepanjang tempoh barang-barang atau perkhidmatan itu sepatutnya dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan pada harga jualan murah.

(3) Mana-mana orang yang membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan barang-barang atau perkhidmatan dari apa-apa perihalan pada harga jualan murah yang —

(a) memberikan butir-butir palsu dalam permohonan di bawah peraturan 3; atau

(b) menyelenggarakan rekod atau butir-butir palsu berkenaan dengan harga barang-barang atau perkhidmatan yang dahulunya dibekalkan atau ditawarkan untuk dibekalkan,

adalah melakukan suatu kesalahan.

(4) Mana-mana orang yang melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan.

Diperbuat pada hari ini 28 haribulan Zulhijjah, Tahun Hijrah 1433 bersamaan dengan 13 haribulan November, 2012.

PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA
AWANG HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM
Menteri Kewangan II,
Negara Brunei Darussalam.